

PELANGI EKOR PANJANG
Long-tailed Jaeger

FAMILI: Laridae
NAMA SAINTIFIK: *Stercorarius longicaudus*

CIRI-CIRI

Bersaiz lebih kecil dan bentuk hampir serupa dengan burung camar yang lain. Bahagian paruh lebih pendek dan lebih tebal dengan warna yang lebih pudar. Bahagian atas badan dan sayap adalah lebih kelabu dan ekor tengahnya adalah lebih panjang. Semasa terbang, ia kelihatan lebih kecil dengan ekor yang agak panjang, bahagian sayap atas berwarna putih dengan bahagian primer berwarna hitam, keseluruhan bahagian bawah sayap berwarna hitam, dada dan atas perut berwarna putih manakala bahagian bawah tongkeng dan perut bawah berwarna kelabu. Bagi burung dewasa di luar musim membiak, bahagian ekor adalah lebih pendek manakala burung juvenil berwarna pudar, seakan-akan sama dengan *S.parasiticus* tetapi ianya berwarna kekelabuan dan tidak menunjukkan sebarang warna oren kemerahan atau coklat buah berangan pada bahagian badannya, bahagian atas badan dan sayap berwarna putih ke kuning pucat. Semasa terbang, bahagian badan adalah lebih panjang dan ekor lebih panjang. Ia juga menunjukkan badan yang berwarna kelabu dengan kepala dan perut berwarna putih.

SAIZ

Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 47-67.5 sm.

MAKANAN

Ikan-ikan kecil.

HABITAT

Lautan, persisiran pantai, kawasan berlumpur, beting pasir, tepian pantai dan pulau-pulau kecil.

PEMBIAKAN

Membiak dari bulan Jun-Julai setiap tahun. Sarang dibina di atas tanah dan burung betina boleh menghasilkan 2 biji telur pada setiap musim.